

**SPESIFIKASI TEKNIKAL**

**SEBUTHARGA BIL. 8/2022**

**PERKHIDMATAN PENINGKATAN KESEDARAN AWAM SERTA CAPAIAN BAGI PROGRAM ENTERPRISE 50 (E50)**

**1. OBJEKTIF**

- 1.1 Alumni Enterpris 50 (E50) merupakan himpunan lebih daripada 700 PKS sejak tahun 1997 yang telah diiktiraf pencapaian berdasarkan kriteria kelakan dan telah dinilai berdasarkan keupayaan kewangan serta kecekapan operasi dan pengurusan.
- 1.2 Oleh yang demikian, Perkhidmatan Peningkatan Kesedaran Awam Serta Capaian Bagi Program Enterprise 50 (E50) adalah sebagai inisiatif SME Corp. Malaysia untuk memperkenalkan lagi program ini kepada PMKS di Malaysia.
- 1.3 Perkhidmatan Peningkatan Kesedaran Awam Serta Capaian Bagi Program Enterprise 50 (E50) ini juga adalah aktiviti bagi meluaskan lagi kesedaran PMKS berkenaan anugerah ini dan kelebihannya kepada PMKS.
- 1.4 Di samping itu, program ini juga sebagai sebagai platform hebahan, promosi dan publisiti bagi Program Enterpris 50 (E50) Tahun 2022.

**2. SKOP PERKHIDMATAN**

- i. Pengurusan Seminar / Bengkel dan Platform Webinar
- ii. Program promosi dan publisiti di 5 lokasi seluruh Malaysia
- iii. Networking Session
- iv. Pengurusan Logistik
- v. Penyediaan dan percetakan bahan promosi serta Cenderahati
- vi. Hebahan Media dan Publisiti Program E50
- vii. Tempoh projek adalah 7 bulan :
- viii. Penyebutharga perlu menyediakan dokumentasi dan laporan seperti berikut:
  - a) Laporan mengikut program/lokasi;
  - b) Laporan keseluruhan program;
  - c) Minit mesyuarat; dan

- d) Lain-lain dokumentasi yang berkaitan bagi projek ini.
- ix. Semua data dan dokumen di dalam projek ini adalah Hak Milik Kerajaan Malaysia.

### 3. SYARAT-SYARAT PEMBAYARAN

- 3.1 Kontrak Sebut Harga ini adalah bagi tempoh 7 bulan dari tarikh dilantik oleh SME Corp. Malaysia.
- 3.2 Bayaran dibuat berdasarkan kemajuan pelaksanaan projek mengikut jadual pembayaran yang dipersetujui.
- 3.3 Bayaran akan dibuat setelah pihak SME Corp. Malaysia berpuas hati dengan perkhidmatan yang disediakan dan setelah menerima Inbois serta dokumen berkaitan daripada pembekal.

### 4. SYARAT-SYARAT LAIN

- 4.1 Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan yang masih sah laku dalam kod bidang bersesuaian seperti berikut:  
**010501, 030201, 220009, 221511 dan 221503**
- 4.2 Pemilihan penyebutharga akan dibuat berdasarkan pematuhan kepada semua kriteria yang ditetapkan di jadual pematuhan di bawah.
- 4.3 Penyebutharga hendaklah mempunyai pengalaman dan keupayaan yang luas, pernah melaksanakan program / projek yang hampir sama anjuran SME Corp. Malaysia atau Agensi / Syarikat lain dan merekodkan prestasi / kerjasama baik dengan SME Corp. Malaysia.
- 4.4 Pihak SME Corp. Malaysia berhak menamatkan kontrak yang diberi kepada pembekal pada bila-bila masa sekiranya pembekal:
  - a. Tidak memenuhi Skop Kerja yang telah dipersetujui;
  - b. Tidak memenuhi Kualiti dan Spesifikasi Kerja ;
  - c. Tidak mematuhi Jadual Pelaksanaan yang ditetapkan;
- 4.5 Berupaya untuk melaksanakan projek Program Capaian Bersama Alumni Enterpris 50 (E50) dalam jangkamasa 7 bulan selepas dilantik oleh SME Corp. Malaysia.

- 4.6 Sekiranya pembekal gagal melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh dan/atau kualiti yang ditetapkan, SME Corp. Malaysia berhak membatalkan pesanan yang dikeluarkan dan/atau mengenakan Liquidated & Ascertained Damages (LAD) berdasarkan formula berikut:

(BLR + 1%) x (Nilai Kontrak / 365) x (bilangan hari **item** lewat)

- 4.7 Penyebutharga perlu memberi jaminan kepada SME Corp. Malaysia bahawa semua item yang dibekalkan adalah bukan dipinjam, diciplak dan tidak melanggar paten atau hak cipta harta intelek pihak lain. Justeru, petender hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya dan melindungi SME Corp. Malaysia dari apa jua tindakan dari pihak ketiga sekiranya terjadi apa-apa tuntutan daripada pelanggaran paten dan hak cipta harta intelek. Pengesahan ASLI & SAH perlu ada.

**LAMPIRAN A**

| BIL.  | BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN  | TANDAKAN<br>( / ATAU X)<br>BAGI SKOP<br>KERJA<br>DIPERSETUJUI | MAKLUMAT LANJUT /<br>CADANGAN<br>(PROPOSAL) |
|---|--|---|---|
| <b>PERKHIDMATAN PENINGKATAN KESEDARAN AWAM SERTA CAPAIAN BAGI PROGRAM ENTERPRISE 50 (E50)</b> |  |   |   |
| 1   | <b>PENGURUSAN PROMOSI ENTERPRISE 50 SECARA ROADSHOW</b>  |   |   |
| 1.1   | <p>Penyebutharga perlu menganjurkan bengkel/seminar yang akan dijalankan di beberapa lokasi seluruh Malaysia seperti mana yang ditetapkan oleh SME Corp. Malaysia. Penyebutharga juga hendaklah mencadangkan tentatif program yang bersesuaian dengan lokasi yang diberikan. Jumlah peserta untuk semua lokasi adalah seramai 500 orang.</p> <p>Penyebutharga mestilah mencadangkan sekurang-kurangnya tiga (3) lokasi hotel yang bertaraf sekurang-kurangnya tiga (3) bintang dan bersesuaian dari lima (5) negeri berikut iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>i. Johor Bharu, Johor;</li><li>ii. Kuala Terengganu, Terengganu;</li><li>iii. Pulau Pinang;</li><li>iv. Kota Kinabalu, Sabah; dan</li><li>v. Kuching, Sarawak</li></ul> <p>Senarai negeri mungkin akan berubah dan akan dimuktamadkan kemudian.</p> | <input type="checkbox"/>                                      | <input type="checkbox"/>                    |

| BIL. | BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN  | TANDAKAN<br>( / ATAU X)<br>BAGI SKOP<br>KERJA<br>DIPERSETUJUI | MAKLUMAT LANJUT /<br>CADANGAN<br>(PROPOSAL) |
|------|--|---|---|
| 1.2  | <p>Penyebutharga hendaklah membuat tempahan dan bayaran di lokasi yang dipersetujui oleh SME Corp. Malaysia untuk perkhidmatan sepetimana berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pakej seminar (sehari) termasuk makan/minum, AV dan lain-lain kemudahan asas bengkel/seminar;</li> <li>ii. Menyediakan persiapan logistik untuk rakan strategik yang akan menjadi penceramah/panel (anggaran 7 pax) dan urusetia (anggaran 2 pax); dan</li> <li>iii. Menyediakan pengangkutan yang bersesuaian untuk rakan strategik dan urusetia</li> </ul> <p>*Berikut ialah senarai rakan strategik Enterprise 50 tidak terhad kepada:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Deloitte Malaysia;</li> <li>ii. Malaysia SME;</li> <li>iii. Media Prima;</li> <li>iv. Telekom Malaysia;</li> <li>v. SME Bank;</li> </ul> | <input type="checkbox"/>                                      |   |

| BIL. | BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN  | TANDAKAN<br>( / ATAU X)<br>BAGI SKOP<br>KERJA<br>DIPERSETUJUI | MAKLUMAT LANJUT /<br>CADANGAN<br>(PROPOSAL) |
|------|--|---|---|
| 1.3  | <p>vi. MIDF Berhad; dan</p> <p>vii. RHB Bank</p> <p>Senarai rakan strategik mungkin akan bertambah dan akan dimuktamadkan kemudian.</p> <p>Penyebutharga perlu menyediakan cenderahati untuk peserta seminar/bengkel sebanyak 500 unit bagi setiap item yang meliputi:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. RFID card holder beserta logo E50. Kotak yang bersesuaian turut disertakan;</li> <li>ii. Non-woven bag bersaiz minimum A4 beserta logo E50;</li> <li>iii. Note pad premium beserta logo E50; dan</li> <li>iv. Metal roller pen beserta logo E50.</li> </ul> | <input type="checkbox"/>                                      |   |
| 1.4  | Penyebutharga perlu menyediakan satu(1) unit video promosi dimana kandungan meliputi dan tidak terhad kepada, kisah kejayaan serta menemuramah Alumni-alumni E50.  | <input type="checkbox"/>                                      |   |

| BIL.     | BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN   | TANDAKAN<br>( / ATAU X)<br>BAGI SKOP<br>KERJA<br>DIPERSETUJUI | MAKLUMAT LANJUT /<br>CADANGAN<br>(PROPOSAL) |
|----------|---|---|---|
| 1.5      | <p>Penyebutharga hendaklah mencadangkan seorang penceramah yang berpengaruh untuk setiap lokasi yang dinyatakan. Penceramah ini mestilah seorang yang berkepakaran dan mahir dalam bidang tertentu (contohnya pemasaran, kewangan dll) dan dilihat sebagai pakar rujuk kepada PKS/pihak awam.</p> <p>Penyebutharga perlulah menyediakan segala keperluan logistik yang diperlukan bagi memastikan penceramah dapat hadir. Penceramah ini juga dikehendaki membantu mempromosikan program Enterprise 50 melalui saluran media sosial beliau atau lain-lain saluran yang sesuai dan mempunyai capaian penonton/pengikut yang tinggi (iaitu melebihi 500,000 orang).</p> <p>Penyebutharga perlu mendapatkan kelulusan dari SME Corp. Malaysia sebelum sebarang keputusan dibuat.</p> | <input type="checkbox"/>                                      |   |
| <b>2</b> | <b>PENGURUSAN PUBLISITI</b>   |   |   |
| 2.1      | Penyebutharga hendaklah mendapatkan slot promosi secara iklan/wawancara/ahli panel di dalam saluran media seperti berikut:  | <input type="checkbox"/>                                      |   |

| BIL. | BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN   | TANDAKAN<br>( / ATAU X)<br>BAGI SKOP<br>KERJA<br>DIPERSETUJUI | MAKLUMAT LANJUT /<br>CADANGAN<br>(PROPOSAL) |
|------|---|---|---|
| 2.2  | <p>i. Sekurang-kurangnya satu slot wawancara di radio yang mempunyai capaian pendengar yang sesuai dengan program Enterprise 50;</p> <p>ii. Satu slot program berkaitan perniagaan di televisyen (Media Prima/Astro) arus perdana; dan</p> <p>iii. 1 muka surat iklan <i>Full Color Full Page</i> (FCFP) sebagai penghargaan kepada semua pemenang di media cetak yang bersesuaian (selain dari rakan strategik)</p> <p>Penyebutharga juga perlulah membantu SME Corp. Malaysia di dalam penyediaan soalan-soalan untuk item i dan ii. Penyebutharga juga perlu menyelaras dengan semua rakan strategik dan pemenang di dalam penyediaan rekabentuk bagi item iii</p> <p><i>*Rancangan televisyen/radio ini mestilah yang mempunyai capaian kepada sasaran pendengar/penonton yang sesuai dengan program Enterprise 50.</i></p> | <input type="checkbox"/>                                      |   |

| BIL.     | BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN   | TANDAKAN<br>( / ATAU X)<br>BAGI SKOP<br>KERJA<br>DIPERSETUJUI | MAKLUMAT LANJUT /<br>CADANGAN<br>(PROPOSAL) |
|----------|---|---|---|
| <b>3</b> | <b>PENGURUSAN WEBINAR</b>   |   |   |
| 3.1      | <p>Penyebutharga hendaklah menyediakan sekurang-kurangnya tiga (3) slot webinar yang melibatkan rakan strategik sebagai ahli panel, termasuk penyediaan pelaksanaan program.</p> <p>Penyebutharga hendaklah mencadangkan dan mendapatkan kelulusan SME Corp. Malaysia berkenaan jadual webinar yang telah dibincangkan dengan rakan strategik</p>                                     | <input type="checkbox"/>                                      |   |
| 3.2      | <p>Penyebutharga hendaklah menyediakan bahan promosi digital (EDM, E-poster) untuk digunakan dalam <i>email blast</i> dan media sosial serta mempromosikan webinar tersebut melalui FB Ads dan / atau platform media sosial yang bersesuaian. Ini termasuk mendapatkan dan menyelaras profil, gambar dan maklumat berkaitan ahli panel untuk dimasukkan dalam bahan-bahan promosi</p> | <input type="checkbox"/>                                      |   |
| 3.3      | <p>Penyebutharga hendaklah melaksanakan <i>email blast</i> bagi mendapatkan penyertaan ke sesi webinar yang akan dianjurkan, serta membuat tindakan</p>   | <input type="checkbox"/>                                      |   |

| BIL. | BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN  | TANDAKAN<br>( / ATAU X)<br>BAGI SKOP<br>KERJA<br>DIPERSETUJUI | MAKLUMAT LANJUT /<br>CADANGAN<br>(PROPOSAL) |
|------|--|---|---|
| 3.4  | <p>susulan (<i>follow up</i>) bagi mengenalpasti kehadiran (RSVP) ke sesi webinar tersebut.</p> <p>Penyebutharga hendaklah juga menyediakan laporan <i>post</i> webinar bagi setiap sesi yang dianjurkan beserta maklumat peserta yang hadir ke webinar tersebut.</p>  | <input type="checkbox"/>                                      |   |
| 4    | <b>PERKHIDMATAN YANG MEMPUNYAI NILAI TAMBAH</b>  |   |   |
| 4.1  | <p>Penyebutharga boleh mencadangkan sebarang perkhidmatan yang melibatkan promosi dan publisiti yang bersesuaian bagi menambahkan lagi capaian kepada sasaran syarikat-syarikat untuk pencalonan Enterprise 50.</p> <p>* <i>Sila nyatakan di ruangan ini untuk maklumat lanjut / tambahan berkaitan tawaran yang dikemukakan atau kemukakan kertas cadangan tambahan jika ruang tidak mencukupi.</i></p> | <input type="checkbox"/>                                      |   |

**LAMPIRAN A**

**Saya / Kami memperakui maklumat yang diberikan adalah benar dan bersetuju menyediakan perkhidmatan dinyatakan selaras dengan terma & syarat dalam dokumen Sebutharga Bil. 8/2022.**

.....  
**Nama** :

**Jawatan** :

**Tarikh** :

**Cop Syarikat** :